

KONSEP HIFZU AL DIN DI DALAM MAQASID SYARIYAH ASAS DALAM PENGUBALAN UNDANG-UNDANG MURTAD DI MALAYSIA

DISAMPAIKAN OLEH :

MOHAMAD ZAMRI BIN MOHAMED SHAPIK
PENGURUSI PERSATUAN ULAMA' MALAYSIA
CAWANGAN SELANGOR

DEFINISI MAQASID SYARI'YAH

- Bahasa
- *Maqasid Syariyah* adalah perkataan *laqab* yang mengandungi dua perkataan yang disatukan iaitu *maqasid* dan *syariah*. *Maqasid* adalah perkataan *jama'* dari kalimah *Maqsad*, iaitu *qasad*, *yaqsud*, *qasdan* dan *maqsadan*.
- Dari segi bahasa bermakna meminta sesuatu dan mendatangkannya, jalan yang lurus, lurus dan sederhana, keadilan dan kebenaran, keras dan paksa.

Definasi Syariah

- Syariah pula berasal dari kalimah *Shara'*.
- Dari segi bahasa ia bermaksud sumber air minuman yang menjadi tumpuan orang ramai untuk meminumnya atau tujuan-tujuan lain. Secara literal perkataan syariah membawa dua maksud yang berbeza tetapi mempunyai kefahaman yang saling berkait di antara satu sama lain. Pertamanya, ia membawa maksud sumber air dan keduanya bererti pembawaan atau jalan yang jelas dan lurus.
- Syariah juga dikenali sebagai al Din dan al Millah. Kalimah syariah lazimnya digandingkan dengan perkataan Islam atau muhammad.

Definasi Maqasyid Syariyah

- Dari segi istilah boleh difahami dalam tiga pengertian yang saling berkaitan iaitu:
- rahsia atau hikmah, atau
- matlamat, atau
- makna sesuatu hukum syarak yang disyariatkan kepada manusia demi kebaikan di dunia dan di hari akhirat

Kesimpulan

- Maqasid Syariah merujuk kepada matlamat atau hikmah atau makna pensyariaan sesuatu hukum sama ada yang umum atau khusus untuk kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat.
- Oleh itu pemahaman nas melalui *usul fiqh* dan *maqasid syariah* akan melahirkan *fiqh al hayyi* iaitu fiqh yang hidup.
- Justeru fiqh tidak sahaja dilihat dari sudut usul (*Fiqh Ushuly*) tetapi juga dilihat dari segi maqasid (*Fiqh Maqashidy*) bagi mengelakkan penggunaan fiqh zaman terdahulu semata-mata tanpa melihat realiti umat pada zaman ini.
- Malah Menurut Imam Abu Ishak asy-Syatibi, selain dari untuk memelihara kemaslahatan atau kepentingan manusia dalam menjalani kehidupan di dunia, ia juga bertujuan untuk memelihara kepentingan manusia selepas kematian mereka.

Dalil

- Dan tiadalah kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam. Surah Al Anbiya' ayat 107
- Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Surah Al Baqarah ayat 185.

Penjelasan

- Ayat-ayat diatas jelas menunjukkan bahawa syariat yang diturunkan adalah untuk kemaslahatan manusia, iaitu kebaikan di dunia dan akhirat.
- Prinsip ini bertepatan dengan kaedah fiqh: *Jalbu al masholeh wa daru' al mafasid* iaitu mengambil kemaslahatan dan menghindari kemudharatan.
- Justeru semua syariat yang diturunkan pasti akan mendatangkan kebaikan untuk manusia sejagat dan bukan kemudharatan.

I'llah

- Sesuatu sifat yang terang dan tetap bagi sesuatu hukum seperti jual beli, marah, musafir.
- Oleh itu illah bukannya hukum tetapi merupakan sifat yang mempengaruhi hukum yang dijadikan oleh Allah.
- Justeru ia menjadi tanda atau alamat kepada kewujudan sesuatu hukum.
- Ini bermakna yang menyabitkan (menetapkan) hukum itu ialah Allah, bukan illah itu sendiri.
- Oleh itu illah termasuk dalam pembahagian hukum wadi'i.
- Sunat mengerjakan solat secara qasar dan diharuskan berpuka puasa bagi musafir berasaskan hukum taklifi.
- Hukum tersebut berdasarkan pencapaian masalah dan penolakan mafsadah yang menjadi illah hasil dari hikmah pensyariatannya.

Hikmah

- Hikmah ditakrifkan sebagai makna yang terkandung didalam sesuatu hukum atau faedah yang terkandung didalamnya illah dan kerana adanya illah maka wujudnya sesuatu hukum.
- Hikmah juga ditakrifkan sebagai mendatangkan sesuatu kebaikan atau menyempurnakan kebaikan atau menolak kerosakan atau mengurangkan risiko kerosakan atau apa – apa yang berkaitan dengan kesudahan yang baik.
- Semua takrif ini merujuk kepada maqasid sesuatu hukum yang disyariatkan oleh Allah.
- Oleh itu wajarlah pendapat yang menyatakan bahawa hikmah dan maqasid mempunyai makna yang sama.

MASLAHAH

- Definisi (Bahasa)
- Perkataan al-maslahah adalah dalam bentuk mufrad (tunggal) dari kata jamak al masolih berdasarkan wazan al-maf'alah yang menunjukkan pengertian tentang sesuatu yang banyak kebaikan dan manfaatnya. Ahli bahasa bersepakat bahawa lawan perkataan al-maslahah adalah al-mafsadah, yaitu sesuatu yang banyak keburukannya.
- Manakala Kamus al-Munjid menjelaskan maksud al-Maslahah sebagai sesuatu yang menghasilkan kebaikan iaitu perbuatan-perbuatan yang diperjuangkan manusia bagi menghasilkan kebaikan bagi dirinya dan masyarakatnya.
- Oleh itu masalahah menyentuh secara langsung kebaikan dan kepentingan sesuatu perkara.

Maslahah dari segi istilah

- Telah dijelaskan oleh Imam al-Syatibi dengan makna *" Sesuatu yang difahami untuk memeliharanya sebagai suatu hak hamba, bagi meraih kemaslahatan dan menolak kefasadan yang diketahuinya tidak didasarkan pada akal semata-mata, jika Allah SWT tidak memberikan penegasan terhadapnya, bahkan menolaknya, maka kaum muslimin hendaklah sepakat menolaknya sebagai kemaslahatan"*
- Definisi yang dikemukakan oleh al-Syatibi di atas jelas menunjukkan bahawa masalahah dari sudut istilah adalah mengambil manfaat dan menolak kerosakan yang tidak hanya berdasarkan kepada akal yang waras semata-mata, tetapi dalam kerangka memelihara hak hamba dan tidak berlawanan dengan nas syara'

- Imam al-Ghazali pula berpendapat:
- *" Pada dasarnya al-maslahah adalah suatu gambaran untuk mengabil manfaat atau menghindarkan kemudaratan, tapi bukan itu yang kami maksudkan, sebab meraih manfaat dan menghindarkan kemudaratan tersebut bukanlah tujuan kemaslahatan manusia dalam mencapai maksudnya. Yang kami maksud dengan masalahah adalah memelihara tujuan syara"*
- Kenyataan al-Ghazali ini memberikan petunjuk bahwa ada dua bentuk masalahah, iaitu masalahah menurut manusia dan masalahah menurut syariat. Masalahah menurut manusia ukurannya adalah akal dan perasaan, sedangkan masalahah menurut syariat ukurannya adalah wahyu.

Pembahagian Maslahah

- **Maslahah Muktabarah**
- Maslahah Muktabarah adalah masalah yang sabi dengan syara' sama ada dengan nas yang jelas atau ijma' atau sesuatu yang berkaitan dengan nas (qias) atau dijelaskan melalui dalil yang khas.
- Umpamanya Allah swt berfirman:
- " Pencuri lelaki dan Pencuri perempuan hendaklah dipotong tangannya sebagai alasan diatas perbuatannya dan pencegahan dari Allah".
- Ayat ini jelas menunjukkan bahawa hukum potong tangan kepada pencuri. Hukum potong tangan ini adalah sebagai balasan perbutan mencuri dan sebagai langkah pencegahan dari Allah. Oleh itu jelas menunjukkan bahawa nas memaklumkan masalah hukum potong tangan tersebut.

Maslahah Mulghah

- Maslahah Mulghah ialah sesuatu masalah yang tidak dibuktikan melalui nas syara, malah dibuktikan bertentangan dengan syara'.
- Umpamanya menyamakan pembahagian harta pusaka sama ada lelaki atau perempuan kerana memenuhi deklarasi persamaan jantina dalam hak asasi manusia. Ini adalah satu kebaikan pada pandangan akal manusia. Namun ia berlawanan dengan nas syara' seperti yang ditegaskan oleh Allah swt di dalam ayat 11 surah al Nisaa'.
- Begitu juga dengan perdagangan arak dan pelacuran. Walaupun ia boleh membantu seseorang mendapat pendapatan dan kerajaan boleh mengutip cukai daripadanya tetapi ia berlawanan dengan nas syara'.
- Oleh itu masalah ini dikategorikan sebagai masalah mulgha yang ditolak oleh syarak.

Masoleh Mursalah

- Menurut al Ghazali, Masoleh mursalah adalah sesuatu masalah yang tidak berlawanan dengan nas syara' tetapi tidak berkaitan dengan nas yang tertentu.^[4] Pandangan ini dipersetujui oleh Ibnu Aysur. Beliau berpendapat bahawa masoleh mursalah adalah sesuatu kebaikan yang diterima syara' walaupun tiada nas yang berkaitan dengannya. Oleh itu qias digunakan bagi menentukan hukum ke atasnya.^[5]
- Para ulamak menerima masoleh mursalah berasaskan ayat al Quran:
- Firman Allah:
- " Berbuat baiklah semoga kamu berjaya" (al Haj ayat 78)
- Allah juga berfirman dalam surah al Nahl ayat 90 iaitu:
- " Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu berlaku adil dan Ehsan"
- Kenyataan umum Allah swt di dalam kedua-dua ayat di atas dilihat oleh para ulamak sebagai ruang bagi mengharuskan penggunaan masoleh mursalah. Ini kerana perbuatan baik adil dan ehsan adalah sesuatu yang umum. Oleh itu apa jua yang mendukung kebaikan atau adl atau ehsan sesama manusia dan makhluk yang lain diterima syara' selagi mana tidak berlawanan dengan syara'. Bagi mengawal penggunaan kaedah ini, maka kaedah qias digunakan bagi menentukan kesahihan sesuatu hukum yang lahir daripada kaedah masoleh mursalah.

- Di antara contoh masoleh mursalah di zaman Sahabat adalah:
- Pemilihan Saidina Abu Bakar al Siddik r.a sebagai khalifah selepas kewafatan nabi adalah qias kepada pesanan nabi supaya Abu Bakar mengimamkan solat. Perlantikan ini bertujuan memelihara kepentingan negara dan kesinambungan risalah tauhid yang dibawa oleh Rasulullah saw.
- Pengumpulan al Quran dalam satu mashaf setelah kematian ramai penghafaz al Quran di kalangan para sahabat didalam peperangan yamamah dan ia juga cadangan daripada Omar al Khaftab. Langkah ini bertujuan untuk memelihara perlembagaan ummah dan rujukan ugama yang utama.
- Di hari ini masoleh mursalah juga digunakan. Umpamanya:
- Urusan pernikahan melalui proses permohonan dan pendaftaran. Oleh perkahwinan yang berdasarkan undang-undang sahaja yang diterima untuk didaftarkan. Peraturan ini bertujuan untuk memastikan pernikahan dilaksanakan mengikut hukum syarak dan hak-hak suami dan isteri dapat dijamin oleh undang-undang.
- Begitu juga dengan pendidikan didalam bidang sains, perubatan, teknologi, teknik dan lain-lain adalah diharuskan bagi membangunkan negara dan memenuhi keperluan masyarakat hari ini. Walaupun tidak ada nas yang khusus mengenai pendidikan dalam bidang tersebut tetapi ia dibenarkan kerana ada nas umum lain yang boleh diqiaskan dengannya.

Ciri – Ciri Masalah

Berdasar penjelasan diatas boleh disimpulkan bahawa masalah yang diterima hendaklah memenuhi ciri-ciri berikut :

- Masalah agama adalah masalah yang paling utama
- Masalah hendaklah tidak bercanggah dengan nas syarak sama ada daripada al Quran, Sunnah, Ijma yang diyakini dan qias yang sahih.
- Masalah yang berdasarkan pengalaman adat atau kemahiran hendaklah tidak berlawanan dengan syarak.
- Nilai-nilai masalah diambil dari nas syarak bukan dari nilai kebendaan semata-mata.

PEMBAHAGIAN MASLAHAH BERASASKAN MAQASID SYARIYAH

- Al-Ghazali membahagikan masalah kepada lima perkara pokok yang dikenali sebagai al-ushul al-khamsah (lima dasar) iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta.
- Namun demikian Ibn Subki, menambah satu lagi tujuan syariat iaitu memelihara kehormatan (hifz al-ird). Pandangan beliau dikenali sebagai al-kuliyah al-sitt.
- Kebanyakan ulamak bersetuju menerima pandangan al Ghazali iaitu memelihara agama, jiwa, keturunan, harta dan akal.

Dalil

- *Hai nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk mengadakan janji setia, bahwa mereka tiada akan menyekutukan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya, tidak akan berbuat dusta yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka dan tidak akan mendurhakaimu dalam urusan yang baik, Maka terimalah janji setia mereka dan mohonkanlah ampunan kepada Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.*
Al Mumtahanah ayat 12.

TINGKATAN MAQASID AL SYARIYAH

- Imam al Syatibi membahagikan keutamaan masalah kepada 3, kepada iaitu *dharuriyah*, *Hajjiyah* dan *Tahsiniyah*. Penjelasan bagi ketiga-tiga kategori ini adalah seperti berikut:
- **Al Dharuriyat**
- iaitu keperluan sesuatu masalah sampai ketahap yang sangat genting dan mendesak sehingga berada dalam keadaan yang merbahaya dan mengancam seseorang. Oleh itu kehilangan perkara dhoruriyat akan mengancam kebahagiaan hidup manusia didunia dan akan ditimpa azab yang amat pedih di hari akhirat nanti. Para ulamak merumuskan perkara dhoruriyat dalam kehidupan manusia adalah agama, jiwa, keturunan, harta dan akal. Oleh itu ia hendaklah dipelihara.
- **Al Hajjiyat**
- iaitu suatu keperluan bagi kelegaan dan menghilangkan kesempitan yang pada lazimnya boleh membawa kepada kesusahan dan kesempitan tanpanya. Dengan lain perkataan ia adalah sesuatu yang berkaitan dengan keperluan hidup yang umum dan tidak sampai ketahap dharurah dan tidak pula sampai keperingkat yang boleh mendatangkan fasad atau binasa pada adatnya.
- **Al Tahsiniyat**
- iaitu sesuatu yang boleh mengelokkan keadaan mereka dan menjadikannya serasi dengan kehendak maruah dan akhlak yang mulia seperti kebersihan, menutup aurat, adat makan dan sebagainya.


Memelihara agama (Hifz al Din)

- Dengan ertikata melaksanakan semua tuntutan rukun islam dan rukun iman, dan menganjurkan dakwah serta jihad agar kesucian Islam terus dipelihara. Malah juga memperkenalkan hukum had kepada orang murtad bagi mengelakkan orang keluar daripada Islam sewenang-wenangnya.
- Umpamanya firman Allah s.w.t dalam surah al-Ikhlash ayat 1-3: "Katakanlah wahai Muhammad, Allah itu Satu. Allah tempat tumpuan [meminta]. Dia tidak beranak dan tidak diperanakkan dan tidak ada sesuatu pun yang menyamai denganNya". Ayat ini menjurus kepada soal tauhid.
- Pada masa yang sama, Allah s.w.t telah mensyariatkan dakwah dan jihad sebagai pendekatan yang afirmatif untuk kelangsungan pemeliharaan kesucian dan kepercayaan terhadap agama Islam. Firman Allah s.w.t. dalam Surah Ali Imran ayat 10: *Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, kamu menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar, dan kamu beriman kepada Allah.*
- Justeru boleh dikatakan dalam usaha memelihara agama ia berkaitan dengan penyebaran, pengukuhan, pengawalan dan pencegahan penyelewengan aqidah Islam serta hukuman bagi mereka yang keluar dari Islam.
- Oleh itu sewajarnya orang bukan Islam membina keyakinan yang bulat sebelum memeluk Islam dan yang telah Islam akan sentiasa menjaga kesucian Islam.

Pelaksanaan

- Dr Ziad Mohamad Ahmidan bagi memelihara agama. Menurut beliau pelaksanaan maqasid syariah dari sudut memelihara agama terbahagi kepada dua komponen utama iaitu:
- Kewujudan dan Kelangsungan agama dari sudut maqasid syariah
 - i. Amalan beragama
 - ii. Kedaulatan agama Islam
 - iii. Dakwah kepada agama Islam
- Ketiadaan agama dan kesannya mengikut maqasid Syariah
 - i. Jihad dijalan Allah
 - ii. Pencegahan murtad
 - iii. Menghapuskan Bida'ah
 - iv. Menjauhkan dari dosa dan maksiat
 - v. menghindari pendapat secara bergurau senda yang melampau

RANGKA TEORI



Kedaulatan Islam

- Elemen 1 : Kebebasan Beragama
 - Kedaulatan Islam
 - Bebas memilih Agama untuk dianuti
 - Bebas mengamalkan agama yang dianuti
 - Kewajipan mematuhi dan mengamalkan tuntutan agama
- Elemen 2 : Pemeluk Islam
 - Dakwah kepada bukan Islam
 - Proses pemeluk Islam

Pendidikan dan Pemerksaan Iman Orang Islam

- Elemen 3 : Pendidikan Untuk Muallaf
- Elemen 4 : Pemerksaan Iman Di Kalangan Orang Islam

Pencegahan Dan perlindungan

- Elemen 5 : Pencegahan Dari Jenayah Murtad
 - Menghalang dakwah bukan Islam
 - Mencegah dari melakukan dosa kecil dan besar
 - Menghindari senda gurau yang melampau

Penguatkuasaan Undang-Undang Dan Hukuman

- Elemen 6 : Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah
 - Pengwartaan
 - Hudud atau takzir
 - Beban pembuktian beraraf yakin atau zon al ghalib
- Elemen 7 : Istitabah
 - Perintah Istitabah
 - Tempoh Istitabah
 - Kaedah Istitabah
- Elemen 8 : Hukuman Jenayah Murtad
 - Sivil
 - Jenayah
- Elemen 9 : Pasca Hukuman Jenayah Murtad
 - Perkahwinan
 - Penjagaan anak
 - Pembahagian harta

Penutup

PERBINCANGAN

Sekian. Terima kasih